

Projek penyelidikan akuakultur UMS hampir 80 peratus siap

NST 5.8.17 4

KOTA KINABALU: Projek penyelidikan akuakultur yang dijalankan Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB) sejak empat tahun lalu hampir 80 peratus siap, kata Pengarah IPMB Prof Dr Rossita Shapawi.

Beliau berkata projek penyelidikan yang dibiayai di bawah Skim Geran Penyelidikan Khusus berjumlah RM5 juta daripada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) itu membabitkan tujuh komponen dan tujuh kumpulan pelajar daripada fakulti berkaitan.

Tujuh komponen itu ialah penyelidikan kerapukacukan, proses penetapan kualiti benih, pembenihan

timun laut, penyelidikan kupang, kemahiran akuakultur bersepadu, keberkesanan akuakultur terhadap kelestarian alam sekitar, serta pandangan dan adaptasi penduduk pesisir pantai mengenai teknologi akuakultur, katanya.

"Penyelidikan bidang akuakultur yang memasuki tahun keempat itu dijangka siap pada penghujung tahun depan," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Bengkel mengenai Spesies Nilai Tinggi Akuakultur Ekologi di sini kelmarin.

Rossita berkata, pihaknya bertanggungjawab menghasilkan satu laporan penuh untuk dihantar kepada KPT,

selain berkongsi hasil penyelidikan melalui seminar kepada masyarakat setempat dan menerbitkan jurnal akademik berkaitan akuakultur.

Menurutnya, UMS akan memainkan peranan signifikan dalam memastikan bidang akuakultur menjadi satu industri yang boleh memberi pulangan pendapatan sekali gus meningkatkan ekonomi negeri.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UMS Prof Dr Shahril Yusof berkata projek penyelidikan dijalankan IPMB itu berjaya menghasilkan dua jenis makanan ikan yang telah pun dikomersialkan. -Bernama